

Headline	2 pekerja maut kena renjatan elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Aug 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	20
ArticleSize	95 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,823		



2 pekerja maut kena renjatan elektrik

Iskandar Puteri: Dua pekerja pemasangan kabel maut terkena renjatan elektrik dalam kejadian di Jalan Bunga Raya, Leisure Farm Resort, Gelang Patah, dekat sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam itu, Mohd Faizul Mohd Fauzi, 37, dan Shahlan Mohamed, 30, disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Iskandar Puteri, Pegawai Bomba Kanan II Mohd Anuar Mohd Amdzah, berkata satu jentera dengan sembilan anggota dikejarkan ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 8.20 malam.

“Setibanya di lokasi kejadian, didapati dua mangsa berkenaan berada di dalam takungan air dipercayai terkena renjatan elektrik ketika melakukan kerja pemasangan kabel di situ.

“Anggota kemudian menaikkan dua mangsa berkenaan di tebing takungan selepas Tenaga Nasional Bhd (TNB) memotong aliran arus elektrik.

“Kedua-dua mangsa disahkan sudah meninggal dunia di tempat kejadian,” katanya dalam kenyataan, semalam.